



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA MENTERI PERPADUAN NEGARA

ISU PENGHINAAN BERBAUR PERKAUMAN MELALUI APLIKASI PENGHANTARAN MAKANAN

Saya merujuk kepada laporan berkenaan insiden melibatkan seorang guru yang telah menerima mesej berunsur penghinaan dan bersifat perkauman daripada seorang penghantar makanan melalui sebuah aplikasi penghantaran makanan.

Insiden ini amat mengecewakan. Kementerian Perpaduan Negara memandang serius insiden ini kerana ia bukan sahaja mencemar nilai kesopanan dan kesusilaan masyarakat kita, malah menggugat keharmonian antara kaum. Tindakan seperti ini tidak boleh diterima sama sekali dan wajar dikenakan tindakan undang-undang sewajarnya.

Pihak syarikat penghantaran digesa untuk mengambil tindakan disiplin tegas terhadap individu yang terlibat serta memperketat garis panduan tatakelakuan pekerja mereka.

Kementerian juga ingin menyeru semua rakyat Malaysia agar sentiasa memupuk sikap saling menghormati dan memahami antara satu sama lain. Tidak ada tempat dalam negara ini untuk sebarang bentuk diskriminasi, kebencian atau perkauman.

Saya percaya bahawa insiden ini adalah tindakan individu dan bukan gambaran masyarakat secara keseluruhan. Namun, kita semua bertanggungjawab untuk membina negara yang lebih inklusif, aman dan bersatu.

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

23 APRIL 2025